KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4

Disediakan Oleh:

Cawangan Kesihatan Keluarga
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

2016

Kandungan

BAB 1 ..... **5**

PENGENALAN **5**

1.1. Projek Rintis Saringan Talasemia Di Sekolah 5

1.2. Projek Rintis Kempen Kesedaran Penyakit Talasemia Dan Ujian Pembawa Talasemia Dalam Kem PLKN 2014 5

1.2.1. Dapatan Kempen Kesedaran Penyakit Talasemia Dan Ujian Pembawa Talasemia Dalam Kem PLKN 5

1.3. Saringan Pembawa Talasemia Murid Tingkatan 4 6

BAB 2 ..... **8**

OBJEKTIF **8**

1.1. Objektif Umum: 8

1.2. Objektif Khusus: 8

BAB 3 ..... **9**

SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4 ..... **9**

3.1. Proses Kerja Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat 9

3.2. Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah 10

3.2.1. Carta Alir Proses Kerja Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah 10

3.2.2. Proses Kerja Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah 11

3.3. Pengambilan Darah Bagi Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah 14

3.3.1. Carta Alir Proses Kerja Pengambilan Darah Bagi Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah 14

3.3.2. Proses Kerja Pengambilan Darah Bagi Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah 15

3.4. Pengendalian Sampel Ujian Saringan Talasemia Oleh Makmal Klinik Kesihatan 18

3.4.1. Carta Alir Proses Kerja Pengendalian Sampel Ujian Saringan Talasemia Oleh Makmal Klinik Kesihatan 18

3.4.2. Proses Kerja Pengendalian Sampel Ujian Saringan Talasemia Oleh Makmal Klinik Kesihatan 19

3.5. Pengendalian Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah 20

3.5.1. Carta Alir Proses Kerja Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah 20

3.5.2. Proses Kerja Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah 21

3.6. Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia Di Klinik Kesihatan 23

3.6.1. Carta Alir Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia Di Klinik Kesihatan 23

3.6.2. Proses Kerja Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia Di Klinik Kesihatan 24

3.7. Pengendalian Kes Cicir Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4 28

3.7.1. Carta Alir Pengendalian Kes Cicir Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4 28

3.7.2. Proses Kerja Pengendalian Kes Cicir Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4 29

BAB 4 30

PEMANTAUAN SARINGAN TALASEMIA MURID TINGAKATAN 4 30

4.1. Definisi Penting 30

4.2. Rekod Saringan Talasemia Murid Tingakatan 4 30

4.3. Reten Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 31

4.4. Indikator Pemantauan 32

SENARAI LAMPIRAN **33**

Draf Pekeliling Pelaksanaan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 34

Surat Rasmi Kebenaran Melaksanakan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia 41

Maklumat Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 Kepada Ibu Bapa / Penjaga 42

Borang Kebenaran Untuk Ujian Saringan Talasemia 44

Surat Rujukan 45

Algorithm Kaunseling Berdasarkan Kepada Keputusan Ujian Pengesahan 46

Tindakan Lanjut Berdasarkan Keputusan Ujian Hb Analysis (National Talasemia Database (NTD) 48

Kad Saringan Talasemia 51

Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) 52

Tatacara pengisian Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) 53

Reten Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/201/2016) 73

Senarai Kelengkapan Dan Peralatan Untuk Pengendalian Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat Di Sekolah 75

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Projek Rintis Saringan Talasemia Di Sekolah

Projek Rintis Saringan Talasemia dalam Kalangan Murid Tingkatan 4 telah dilaksanakan di negeri Pulau Pinang, Sabah dan Melaka pada tahun 2005-2006. Projek rintis di Pulau Pinang melibatkan 7,281 orang murid Tingkatan 4 dari 37 buah sekolah yang mengambil bahagian didapati sukar untuk meyakinkan ibu bapa untuk memberi kebenaran supaya anak-anak mereka menjalani ujian saringan Talasemia. Pada percubaan pertama, hanya 42% sahaja ibu bapa yang memberi kebenaran kepada anak-anak mereka menjalani ujian saringan Talasemia. Walau bagaimanapun, jumlah ini bertambah kepada 59% pada percubaan kedua. Kegagalan dalam promosi adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada peratusan pemberian kebenaran oleh ibu bapa kepada anak-anak untuk menjalani ujian saringan Talasemia yang rendah dalam projek tersebut.

1.2. Projek Rintis Kempen Kesedaran Penyakit Talasemia Dan Ujian Pembawa Talasemia Dalam Kem PLKN 2014

Sebagai usaha untuk menyaring golongan muda sebelum mereka mendirikan rumah tangga, KKM dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan Projek Rintis Kempen Kesedaran Thalassemia dan ujian Talasemia kepada pelatih-pelatih kem PLKN pada tahun 2014. Matlamat saringan dalam kem PLKN adalah untuk meningkatkan kefahaman kepada golongan muda bahawa mereka boleh mencegah kelahiran bayi Talasemia apabila seorang pembawa berkahwin dengan seorang yang tidak membawa gen Talasemia.

1.2.1. Dapatan Kempen Kesedaran Penyakit Talasemia Dan Ujian Pembawa Talasemia Dalam Kem PLKN

Seramai 2, 977 orang pelatih kumpulan 3 siri 11 yang berusia 18 tahun dan ke atas dari 38 buah kem PLKN telah terlibat dalam projek rintis pada tahun 2014. Pecahan Pelatih mengikut negeri asal mereka dinyatakan di **Jadual 1.** Dari keputusan awal ujian darah, seramai 610 orang (20.5%) disyaki sebagai pembawa manakala 217 (7.3%) perlu menjalani *iron challenge*.

Projek rintis dalam kem PLKN menunjukkan kemampuan pasukan kesihatan daerah untuk melaksanakan pengambilan darah secara berkelompok dalam institusi dengan pengurusan ujian darah yang cekap.

Kekangan utama kaedah ini adalah mengesan pelatih selepas tamat latihan ekoran pelatih berpindah alamat, bekerja atau melanjutkan pelajaran di luar daerah. Tanpa ujian pengesahan status seorang pembawa tidak dapat dipastikan dan kaunseling tidak dapat dilaksanakan dan ini akan menyumbang kepada kegagalan mengekang kelahiran pesakit Talasemia baharu.

Jadual 1: Projek Rintis Kempen Kesedaran Penyakit Talasemia Dan Ujian Pembawa Talasemia Dalam Kem PLKN 2014

Negeri	Bilangan menjalani ujian	Bukan Pembawa		Di syaki Pembawa		TRO IDA		Perlu Susulan	
		Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
Perlis	81	55	67.9	8	9.9	18	22.2	26	32.1
Kedah	404	257	63.6	114	28.2	33	8.2	147	36.4
Pulau Pinang	162	109	67.3	37	22.8	16	9.9	53	32.7
Perak	98	75	76.5	14	14.3	9	9.2	23	23.5
Selangor	397	288	72.5	78	19.6	31	7.8	109	27.5
WPKL	163	123	75.5	24	14.7	16	9.8	40	24.5
Negeri Sembilan	61	45	73.8	11	18.0	5	8.2	16	26.2
Melaka	90	63	70.0	18	20.0	9	10.0	27	30.0
Johor	263	198	75.3	49	18.6	16	6.1	65	24.7
Pahang	220	142	64.5	58	26.4	20	9.1	78	35.5
Kelantan	311	227	73.0	65	20.9	19	6.1	84	27.0
Terengganu	173	120	69.4	50	28.9	3	1.7	53	30.6
Sabah	317	254	80.1	49	15.5	14	4.4	63	19.9
Sarawak	212	176	83.0	30	14.2	6	2.8	36	17.0
WP Labuan	25	18	72.0	5	20.0	2	8.0	7	28.0
Malaysia	2977	2150	72.2	610	20.5	217	7.3	827	27.8

1.3. Saringan Pembawa Talasemia Murid Tingkatan 4

Pada 22 Mei 2015, BPKK telah membentangkan Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan Saringan Pembawa Talasemia Murid Tingkatan 4 dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk 3K yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan I. Dalam mesyuarat tersebut, KPM bersetuju untuk membenarkan KKM melaksanakan saringan ini di sekolah menengah.

Adalah dijangkakan, akan berlaku penurunan sebanyak 95% kes kelahiran bayi dengan penyakit Talasemia menjelang 2038 sekiranya, andaian di bawah tidak berubah sehingga tahun 2038 :

- Kohort pertama yang disaring pada tahun 2016 mula berkahwin pada usia 18, tahun iaitu pada tahun 2018,
- Kohort pertama yang berkahwin melahirkan anak pertama pada usia 19 tahun iaitu pada tahun 2019
- Diagnosa kes baharu di kalangan anak kepada kohort pertama disahkan pada usia setahun, iaitu pada tahun 2020

- Tempoh kesuburan wanita bagi setiap kohort yang akan menjalani saringan tidak berubah iaitu dari umur 20 hingga 38 tahun dan
- Saringan secara bersistematik dilaksanakan setiap tahun meliputi 455,000 murid Tingkatan 4 dicapai sepenuhnya.

Rajah 1: Unjuran Penurunan Kes Baharu Talasemia Apabila Saringan Talasemia dalam Kalangan Murid Tingkatan 4 Dilaksanakan Pada Tahun 2016



Garis panduan ini akan memperjelaskan kaedah pelaksanaan saringan Talasemia Tingkatan 4 di sekolah dan ujian pengesahan di klinik kesihatan. Dengan pelaksanaan Saringan Murid Tingkatan 4, Saringan Talasemia bagi ibu hamil dan golongan muda diberhentikan mulai 2016. Rujuk kepada **Lampiran 1** mengenai Pekeliling Pelaksanaan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4.

BAB 2

OBJEKTIF

2.1. Objektif Umum:

Memberi panduan kepada anggota kesihatan yang menjalankan Perkhidmatan Kesihatan mengenai tatacara pelaksanaan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4.

2.2. Objektif Khusus:

a. Menyeragam proses kerja pelaksanaan saringan dan pengesahan pembawa Talasemia dalam kalangan murid Tingkatan 4.

b. Memperjelaskan fungsi dan peranan anggota kesihatan dalam saringan Talasemia murid Tingkatan 4.

c. Menyeragamkan penggunaan rekod dan reten 2016 dalam saringan di sekolah.

d. Memperkenalkan indikator saringan Talasemia baharu untuk dilaksanakan mulai 2016.

BAB 3

SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4

3.1. Proses Kerja Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4

Terdapat 5 proses kerja yang utama dalam pelaksanaan saringan Talasemia dalam kalangan murid Tingkatan 4:

1. Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia di Sekolah
2. Pengambilan Darah bagi Ujian Saringan Talasemia di Sekolah
3. Pengendalian Sampel Ujian Saringan Talasemia
4. Pengendalian Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah
5. Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia



3.2. Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah

3.2.1. Carta Alir Proses Kerja Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah



3.2.2. Proses Kerja Persediaan Sebelum Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
1.	Kenal pasti sekolah di kawasan operasi dan jumlah enrolmen murid Tingkatan 4	a. Dapatkan senarai sekolah daripada PPD b. Kenal pasti enrolmen murid Tingkatan 4 bagi setiap sekolah	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Senarai sekolah menengah • Enrolmen murid Tingkatan 4
2.	Mesyuarat penyelarasan dengan jabatan / unit berkaitan	a. Jalankan mesyuarat di peringkat PKD b. Menetapkan Pelan Tindakan Daerah c. Rancang keperluan sumber di peringkat operasi seperti:- • Sumber manusia • Peralatan perubatan dan bukan perubatan - tiub spesimen, peralatan mengambil darah, biohazard bag, sharp bin, borang PER-PAT, cop ujian saringan Talasemia, • Bahan pendidikan kesihatan • Logistik • Perkhidmatan makmal saringan (klinik kesihatan / hospital) – *reagent* d. Tentukan tarikh perbincangan dengan PPD/pihak sekolah	• Pegawai Kesihatan Daerah • Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah / Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah • Pasukan Kesihatan Sekolah • Pegawai Perubatan YM Klinik • Juru Teknologi Makmal Perubatan	
3.	Rancang jadual lawatan (Pelaksanaan Saringan Talasemia Tingkatan 4 perlu diintegrasikan ke dalam	a. Rancang jadual lawatan pada awal bulan Disember tahun sebelumnya b. Dapatkan kebenaran dari pihak sekolah/ PPD c. Tetapkan tarikh kaunseling berkelompok sebelum ujian & pengambilan darah	• Pasukan Kesihatan Sekolah • Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah / Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah	• Borang kebenaran • Risalah saringan Talasemia • Jadual lawatan

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
	Perkhidmatan Kesihatan Sekolah tanpa menjejaskan aktiviti-aktiviti yang sedia ada.)	d. Siapkan dokumen yang perlu dihantar ke sekolah untuk tindakan guru • Program lawatan • Borang kebenaran berserta risalah saringan Talasemia		
4.	Serah jadual lawatan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah kepada PPD	a. Serah jadual lawatan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah kepada PPD yang merangkumi • Lawatan Pra-Sekolah • Lawatan Tahun 1 • Lawatan Tahun 6 • Lawatan Tingkatan 1 • Lawatan Tingkatan 3 • Lawatan Tingkatan 4	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Jadual Lawatan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah
5.	Lawatan Awal	a. Buat temujanji untuk lawatan dengan pihak sekolah b. Dapatkan pengesahan tarikh lawatan c. Kenal pasti dewan / bilik pemeriksaan d. Maklumkan kepada Pengetua /Penolong Kanan Hal Ehwal Murid / Guru Kesihatan berkenaan: • Persediaan murid • Penyediaan dewan / bilik pemeriksaan • Perjalanan sesi kaunselling berkelompok sebelum ujian. Ibu bapa / penjaga digalakkan untuk hadir mendengar sesi kaunseling • Proses mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa untuk menjalankan saringan Talasemia di kalangan murid Tingkatan 4	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Jadual Lawatan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
		• Proses pengambilan darah • Proses rawatan susulan		
6.	Pendidikan Kesihatan Talasemia	a. Berikan sesi Pendidikan Kesihatan Talasemia kepada murid Tingkatan 4 b. Edar borang kebenaran ujian saringan Talasemia & risalah kepada semua murid dan ibu bapa / penjaga c. Maklumkan tarikh borang kebenaran akan dikumpul semula kepada murid/ ibubapa/ penjaga / guru kesihatan sekolah	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Alat bantu mengajar • Modul Kaunseling Talasemia
7.	Mengumpul dan menyemak semula borang kebenaran saringan Talasemia	a. Kumpul dan semak borang kebenaran saringan Talasemia yang telah lengkap b. Jika borang kebenaran tidak ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga, pulangkan semula kepada murid untuk dilengkapkan c. Jika ibu bapa tidak bersetuju untuk anak / anak jagaan menjalani ujian saringan Talasemia, dapatkan sebab tidak bersetuju	• Pasukan Kesihatan Sekolah • Guru kelas	• Borang kebenaran
8.	Pengesahan tarikh pengambilan darah	a. Pengesahan tarikh lawatan ke sekolah sekurang-kurangnya 3 hari sebelum lawatan sebenar b. Tetapkan tarikh baru sekiranya sekolah belum bersedia atau terdapat sebarang pindaan tarikh.	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Jadual Lawatan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah

3.3. Pengambilan Darah Bagi Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah

3.3.1. Carta Alir Proses Kerja Pengambilan Darah Bagi Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah



3.3.2. Proses Kerja Pengambilan Darah Bagi Ujian Saringan Talasemia Di Sekolah

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
1.	Kenal pasti murid yang mempunyai kebenaran bertulis daripada ibu bapa / penjaga untuk menjalankan saringan	a. Kumpulkan murid yang mempunyai persetujuan daripada ibu bapa / penjaga untuk menjalani saringan di bilik kesihatan / dewan b. Pastikan setiap murid yang dikumpul mempunyai borang kebenaran bertulis yang telah lengkap diisi c. Murid yang tidak mempunyai kebenaran bertulis yang lengkap tidak dibenarkan menjalani ujian saringan Talasemia	• Guru kesihatan sekolah / guru kelas • Pasukan Kesihatan Sekolah	• Senarai nama murid dengan kebenaran bertulis yang telah lengkap
2.	Kaunseling berkelompok sebelum ujian secara ringkas	a. Beri kaunseling berkelompok kepada murid yang mempunyai persetujuan daripada ibu bapa / penjaga untuk menjalani ujian saringan Talasemia	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Alat bantu mengajar
3.	Ambil darah	a. Sediakan tempat untuk pengambilan darah b. Sediakan dan susun kelengkapan yang aseptik untuk mengambil darah c. Isi borang makmal PER.PAT 301: • Nama murid • No. K/P • Nama klinik kesihatan • Nama Sekolah (cop sekolah) d. Pastikan borang makmal dicop dan ditandatangan e. Pastikan nama murid dan nombor K/P yang dilabel pada botol EDTA dan borang	• Guru kesihatan sekolah/ guru kelas • Pasukan Kesihatan Sekolah • Jururawat Kesihatan / Penolong Pegawai Perubatan • Pembantu Perawatan Kesihatan • Pemandu	• Kenderaan • Peti / bag kecemasan • Borang Makmal PER.PAT301 • SOP *Infection Control* • Cop Staf • Cop Saringan Talasemia • Sarung tangan • Botol EDTA • Jarum dan *syringe* • Tourniquet • Spirit swab • Micropore • Sharp bin • Plastik *Biohazard*

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
		e. adalah sama seperti dalam K/P murid. f. Pastikan pengambilan darah mengikut teknik aseptik (rujuk SOP Infection Control) g. Pastikan 2.5 ml darah yang terdapat dalam botol EDTA disebatikan h. Rekod dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016)		• Rak untuk botol EDTA • Kotak penghantaran darah (*cold box*)
4.	Hantar sampel darah ke Klinik Kesihatan / Hospital	a. Hantar sampel darah **secara berperingkat** bagi memastikan ujian FBC dilakukan dalam masa **kurang enam jam** daripada masa darah diambil hingga masa sampel darah diuji pada hari yang sama. b. Pastikan pengurusan sampel darah mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak makmal haematologi. c. Pastikan buku penghantaran sampel (*despatch*) dicop dan ditandatangani oleh JTMP sebagai bukti penerimaan sampel darah dan borang dari PKS	• Pasukan Kesihatan Sekolah • Jururawat Kesihatan / Penolong Pegawai Perubatan • Pembantu Perawatan Kesihatan • Pemandu	• Kenderaan • Buku *despatch* • Kotak penghantaran darah
5.	Kemas peralatan	a. Pastikan semua peralatan dikemas dan diselenggara mengikut SOP yang ditetapkan	• Pasukan Kesihatan Sekolah • Jururawat Kesihatan / Penolong Pegawai Perubatan • Pembantu Perawatan Kesihatan • Pemandu	• Senarai nama murid yang menjalani pemeriksaan darah

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
6.	Maklum kepada pengurusan sekolah	a. Maklumkan kepada pengurusan sekolah: • Jumlah murid disaring • Tindak susul murid yang tidak hadir	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Senarai nama murid yang menjalani pemeriksaan darah

3.4. Pengendalian Sampel Ujian Saringan Talasemia Oleh Makmal Klinik Kesihatan

3.4.1. Carta Alir Proses Kerja Pengendalian Sampel Ujian Saringan Talasemia Oleh Makmal Klinik Kesihatan



3.4.2. Proses Kerja Pengendalian Sampel Ujian Saringan TALASEMIA Oleh Makmal Klinik Kesihatan

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
1.	Terima sampel darah untuk ujian saringan Talasemia	a. Pastikan **Nama** dan **No. Kad Pengenalan** murid pada botol spesimen dan borang adalah sama	• Juru Teknologi Makmal Perubatan	
2.	Jalankan Ujian FBC	a. Jalankan ujian FBC mengikut prosedur makmal	• Juru Teknologi Makmal Perubatan	• *Reagent* FBC
3.	Kategorikan ujian FBC mengikut keputusan Hb dan MCH	a. Keputusan diasingkan mengikut keputusan Hb dan MCH seperti di bawah: • Hb – normal; MCH>27 • Hb – rendah; MCH≤27 • Hb – normal; MCH≤27 b. Hantar keputusan FBC, *unstained* PBF slide, dan lebihan sampel darah untuk ujian Hb Analisis bagi keputusan yang disyaki Pembawa Talasemia (Hb – normal; MCH≤27	• Juru Teknologi Makmal Perubatan	
4.	Maklumkan keputusan FBC kepada penyelaras di Klinik Kesihatan / Pasukan Kesihatan Sekolah	a. Maklumkan keputusan FBC kepada penyelaras di Klinik Kesihatan / Pasukan Kesihatan Sekolah untuk direkodkan dalam KSK/ST/101/2016	• Juru Teknologi Makmal Perubatan	• KSK/ST/101/2016

3.5. Pengendalian Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah

3.5.1. Carta Alir Proses Kerja Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah



3.5.2. Proses Kerja Pemberitahuan Keputusan Ujian Di Sekolah

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
1.	Terima keputusan ujian darah murid yang disaring	a. Terima keputusan FBC daripada makmal b. Terima murid yang dirujuk untuk mengetahui keputusan saringan Talasemia	• Pasukan Kesihatan Sekolah • Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah / Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah • KJK/ PPP/JK/JM • PPK • PT	• Kaunter Pendaftaran • Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016)
2.	Maklum keputusan ujian saringan kepada murid	a. Bagi murid yang mempunyai keputusan FBC normal, beri surat makluman keputusan ujian saringan beserta Kad Saringan Talasemia yang ditandatangani oleh Pegawai Perubatan b. Bagi murid yang mempunyai keputusan FBC abnormal • Beri surat rujukan dan tarikh temujanji ke klinik kesihatan • Maklumkan kepada murid perlu hadir temujanji bersama ibubapa/penjaga • Jika tidak dapat hadir mengikut temujanji, boleh menelefon klinik untuk ambil tarikh baru • Keputusan FBC abnormal akan disimpan di klinik kesihatan yang akan mengadakan tindak susul untuk murid	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Kad saringan Talasemia • Surat Rujukan (untuk Hb-Normal, MCH <27, tarikh temujanji selepas keputusan Hb Analysis dijangka terima)

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
3.	Murid yang bukan Pembawa Talasemia Beta (Hb – normal, MCH ≥ 27)	a. Rekod keputusan dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) b. Beri surat makluman kepada ibu bapa	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Keputusan FBC • Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016)
4.	Murid yang di kategori sebagai IDA (Hb – low, MCH ≤27)	a. Rekod keputusan dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) b. Beri surat rujukan kepada murid supaya hadir bersama ibubapa ke klinik kesihatan untuk rawatan susulan	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Keputusan FBC • Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016)
5.	Murid yang disyaki Pembawa Talasemia Beta (Hb – normal, MCH≤27)	a. Rekod keputusan dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) b. Beri surat rujukan kepada murid supaya hadir bersama ibubapa ke klinik kesihatan untuk rawatan susulan	• Pasukan Kesihatan Sekolah	• Keputusan FBC • Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016)

3.6. Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia Di Klinik Kesihatan

3.6.1. Carta Alir Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia Di Klinik Kesihatan



3.6.2. Proses Kerja Pengendalian Keputusan Ujian Saringan Talasemia Di Klinik Kesihatan

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
1.	Murid hadir ke klinik kesihatan bersama-sama ibu bapa / penjaga	a. Terima murid yang dirujuk untuk mengetahui keputusan saringan Talasemia b. Pastikan murid membawa bersama-sama: • Surat rujukan • Kad Pengenalan • Surat pengesahan sekolah	• Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai • Perubatan KK Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah / Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah • KJK/ PPP/JK/JM • PPK • PT	• Surat rujukan • Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016)
2.	IDA (Hb – low, MCH≤27)	a. Terangkan status keputusan ujian FBC sebagai ujian saringan b. Mulakan rawatan dengan *Iron Challenge* selama 3 bulan c. Ulang Ujian FBC selepas 3 bulan rawatan dengan *iron supplement* d. Sekiranya terdapat peningkatan paras Hb dan MCH, teruskan rawatan IDA e. Sekiranya tiada peningkatan paras Hb, pastikan murid patuh kepada arahan pengambilan ubat. f. Sekiranya murid patuh kepada pengambilan ubat, maklum kepada ibu bapa murid keperluan untuk menjalankan **ujian pengesahan Saringan Pembawa Talasemia Beta**	• Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai Perubatan KK • Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah / Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah • PPP • JK • JTMP	• Keputusan FBC • Rekod Saringan Talasemia (ST/101/2015) • Ferrous Fumarate • Folate Acid • Ascorbic Acid • Borang PER PAT. 301 • Kad Saringan Talasemia

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
		g. **Ujian pengesahan Saringan Pembawa Talasemia Beta** • Isi borang PER.PAT 301 (dalam dua salinan). Satu salinan disimpan di klinik kesihatan sebagai rujukan dan kemudahan *tracing*. h. Hantar keputusan FBC, *unstained PBF smear*, dan lebihan sampel darah untuk ujian Hb analisis dalam kadar segera (dalam tempoh 48 jam)		
3.	Disyaki Pembawa Talasemia Beta (Hb – normal, MCH≤27)	a. Terangkan status keputusan ujian FBC sebagai ujian saringan b. Semak keputusan Hb Analisis. Jika murid tersbut didapati belum menjalani ujian Hb Analisis, teruskan ujian pengesahanTalasemia dengan ujian Hb Analisis	• Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai Perubatan KK	• Keputusan FBC
4.	Jalankan ujian Hb Analisis	a. Hantar keputusan FBC, unstained PBF slide, dan lebihan sampel darah untuk ujian Hb Analisis b. Gunakan keputusan ujian FBC terkini bagi menghantar sampel darah untuk ujian Hb analysis c. Makmal klinik kesihatan perlu menyediakan slaid 'unstained PBF smear' jika sampel darah tidak dihantar pada hari yang sama	• Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai Perubatan KK • Jururawat/Penolong Pegawai Perubatan • JTMP	• Borang Per Path 301 • Botol specimen EDTA • Peralatan pengambilan darah --

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
5.	Semak keputusan ujian Hb Analisis	a. Dapatkan keputusan Hb Analisis daripada hospital rujukan mengikut *Turn Around Time* ujian yang telah ditetapkan oleh hospital rujukan b. Sekiranya sah ujian status sebagai Pembawa Talasemia Beta, hubungi klien untuk sesi kaunseling selepas ujian saringan c. Sekiranya keputusan ujian menyarankan ujian molekular, rujuk klien kepada FMS. d. Sekiranya keputusan ujian normal, panggil klien untuk maklumkan keputusan ujian.	• Pakar Perubatan Keluarga • Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai Perubatan KK • Penyelia Jururawat Kesihatan Daerah / Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Daerah • JTMP	• Keputusan Hb Analysis
6.	Rujuk Pakar Perubatan Keluarga	a. Semak keputusan ujian dan tentukan keperluan ujian molekular b. Sekiranya perlu, aturkan temujanji dengan klien untuk kaunseling sebelum ujian molekular c. Lakukan ujian molekular	• Pakar Perubatan Keluarga • Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai Perubatan KK	• Borang DNA Analysis For Thalassemia Syndromes (IMR/CaRC/HAEM/22/2203/03 (1)/REQForm)
7.	Dapatkan keputusan ujian molekular	a. Pastikan keputusan ujian molekular diperolehi daripada hospital rujukan mengikut *Lab Turn Around* Time yang telah ditetapkan oleh hospital rujukan b. Sekiranya keputusan ujian tidak diperolehi, hubungi samada IMR (bagi ujian molekular Talasemia Beta) atau Makmal Patologi	• Pakar Perubatan Keluarga • Pasukan Kesihatan Sekolah / Pegawai Perubatan KK	• Keputusan ujian molekular

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
		Hospital Kuala Lumpur (bagi pengesahan ujian molekular Talasemia Alpha)		
8.	Pengesahan Pembawa status Pembawa Talasemia	a. Catat keputusan ujian dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) b. Buat temujanji klien dengan Pakar Perubatan Keluarga bagi kaunseling selepas ujian pengesahan pembawa Talasemia	• Pakar perubatan Keluarga • Pegawai Perubatan	• Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) • Keputusan ujian
9.	Beri Kaunseling Selepas Ujian	a. Terangkan kepada klien mengenai keputusan ujian Saringan dan Pengesahan b. Terangkan mengenai implikasi ujian kepada klien melalui kaunseling pembawa Talasemia c. Galakkan ahli keluarga yang lain menjalankan ujian saringan cascade Pembawa Talasemia. d. Buat temujanji untuk saringan cascade ahli keluarga terdekat	• Pakar perubatan Keluarga • Pegawai Perubatan	• Keputusan ujian FBC, Hb A nalysis dan ujian molekular • Modul Kaunseling Saringan Pembawa Talasemia • Garispanduan Pelaksanaan Saringan Talasemia Kebangsaan, 2009
10.	Serah Kad Saringan Talasemia	a. Serahkan Kad Saringan Talasemia kepada klien b. Terangkan keperluan menyimpan Kad Saringan Talasemia	• Pakar perubatan Keluarga • Pegawai Perubatan	• Kad Saringan Talasemia

3.7. Pengendalian Kes Cicir Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4

3.7.1. Carta Alir Pengendalian Kes Cicir Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4



3.7.2. Proses Kerja Pengendalian Kes Cicir Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4

Bil.	Proses Kerja	Aktiviti	Tanggungjawab	Peralatan
1.	Kes yang disyaki pembawa dan perlu pengesahan dengan ujian molekula	a. Hubungi ibu bapa / penjaga untuk hadir ke klinik b. Jika ibu bapa/ penjaga gagal hadir ke klinik:- • Nasihati klien untuk menjalani ujian molekular selepas mencapai umur 18 tahun c. Buat catatan dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) sebab keciciran kes dan pelan tindak susul.	• Pegawai Perubatan • Pasukan Kesihatan Sekolah	• Rekod Saringan TALASEMIA Sekolah (KSK/ST/101/2016) • Keputusan ujian
2.	Kes yang tidak menjalani kaunseling	a. Kaunseling di sekolah oleh Pegawai Perubatan b. Beri surat makluman keputusan ujian saringan Talasemia beserta Kad Saringan Talasemia kepada ibu bapa	• Pegawai Perubatan • Pasukan Kesihatan Sekolah	• Surat Makluman Keputusan Ujian Saringan Talasemia • Kad Saringan Talasemia
3.	Kes IDA yang tidak menjalani *iron challenge*	a. Hubungi murid untuk datang ke klinik bersama ibu bapa / penjaga. b. Jika murid gagal hadir ke klinik:- • Beri rawatan *iron challenge* di sekolah oleh Pegawai Perubatan • Atur temujanji di klinik kesihatan untuk rawatan susulan.	• Pegawai Perubatan • Pasukan Kesihatan Sekolah	• Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) • Keputusan ujian • Ferrous Fumarate • Folate Acid • Ascorbic Acid • Kelengkapan untuk prosedur pengambilan darah

BAB 4

PEMANTAUAN SARINGAN TALASEMIA MURID TINGAKATAN 4

4.1. *Definisi Penting*

Kes pembawa Talasemia	Kes yang telah disahkan sebagai pembawa sama ada pembawa • Talasemia Alpha • Talasemia Beta • Hb E
Kes bukan pembawa Talasemia	• Kes yang mempunyai keputusan FBC dengan Hb – normal dan MCH ≥ 27pg • Kes yang disahkan bukan pembawa daripada ujian Hb analisis atau DNA analisis
Kes cicir	• Kes yang disyaki pembawa tetapi tidak menjalankan ujian pengesahan (Hb Analisis / DNA analisis) • Kes IDA yang tidak menjalani *iron challenge* • Kes yang tidak menjalani kaunseling selepas ujian saringan

4.2. *Rekod Saringan Talasemia Murid Tingakatan 4*

4.2.1. **Semua senarai murid tingkatan 4 MESTI direkodkan** ke dalam **Rekod Saringan Talasemia Sekolah** (KSK/ST/101/2016) tanpa mengira samada mempunyai kebenaran bertulis ibubapa atau tidak

4.22. Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) terbahagi kepada tiga komponen iaitu:

a. Pendaftaran
b. Ujian Saringan
c. Ujian Pengesahan

4.2.3. Tatacara pengisian Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016) adalah seperti yang di Lampiran 10.

4.2.4. Bagi **saringan Talasemia yang dijalankan di klinik kesihatan** seperti saringan **sukarela dan Cascade**, kesemua data perlu direkodkan ke dalam **Rekod Saringan Talasemia (ST/101/Pindaan 2016)**.

4.2.5. Bagi kedua-dua pasangan berkahwin yang disahkan sebagai pembawa Talasemia PERLU direkodkan ke dalam Rekod Pasangan Pembawa Talasemia (ST/Pembawa/101/2016) dan rekod ini dikendalikan oleh kesihatan ibu dan kanak-kanak dalam Pre-Pragnancy Care (PPC).

4.3. Reten Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4

4.3.1. Reten Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 adalah 'auto-filled' daripada data yang dimasukkan ke dalam Rekod Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016). Oleh itu, pegawai yang mengendalikan reten perlu memastikan butir-butir yang dimasukkan ke dalam rekod adalah betul.

4.32. Mulai 1 Januari 2016, reten saringan Talasemia murid Tingkatan 4 akan menggunakan borang Reten Saringan Talasemia Sekolah (KSK/ST/101/2016).

4.3.3. Saringan Talasemia bagi kes sukarela dan cascade yang dijalankan di klinik kesihatan, reten akan dikumpulkan menggunakan borang Reten Saringan Talasemia (ST/101/Pindaan 2016). Reten ini perlu dihantar ke BPKK mengikut prosedur sebelum ini.

4.3.4. Contoh reten di sertakan di Lampiran 11

4.4. Indikator Pemantauan

4.4.1. Peratus murid yang mempunyai kebenaran menjalani ujian saringan Talasemia.

Formula Pengiraan indikator

Bilangan murid Tingkatan 4 yang mendapat kebenaran ibu bapa

_____ x 100

Enrolmen murid Tingkatan 4 pada tahun semasa

4.4.2. Peratus Saringan Talasemia dalam Kalangan Murid Tingkatan 4

Formula Pengiraan Indikator

Bilangan murid Tingkatan 4 yang disaring pada tahun semasa

_____ x 100

Enrolmen murid Tingkatan 4 **dengan kebenaran bertulis** daripada ibu bapa

4.4.3. Peratus murid Tingkatan Empat yang disyaki Pembawa Talasemia.

Formula Pengiraan Indikator

Bilangan murid Tingkatan 4 yang disyaki sebagai pembawa Talasemia

_____ x 100

Bilangan murid Tingkatan 4 yang disaring

4.4.4. Peratus murid Tingkatan Empat yang mengalami Iron Deficiency Anemia (IDA)

Formula Pengiraan Indikator

Bilangan murid Tingkatan 4 yang disahkan *iron deficiency anemia*

_____ x 100

Bilangan murid Tingkatan 4 yang disaring

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 Pekeliling Pelaksanaan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4

Lampiran 2 Surat Rasmi Kebenaran Melaksanakan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia

Lampiran 3 Maklumat Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 Kepada Ibu Bapa / Penjaga

Lampiran 4 Borang Kebenaran Ujian Saringan Pembawa Talasemia

Lampiran 5 Surat Rujukan

Lampiran 6 Algorithm Kaunseling Berdasarkan Kepada Keputusan Ujian Pengesahan

Lampiran 7 Tindakan Lanjut Berdasarkan Keputusan Ujian Hb Analysis (National Talasemia Database (NTD))

Lampiran 8 Kad Saringan Talasemia

Lampiran 9 Reten KSK

Lampiran 10 Tatacara pengisian Reten KSK/ST101/2016

Lampiran 11 Reten KSK/ST201/2016

Lampiran 12 Senarai Kelengkapan Dan Peralatan Untuk Pengendalian Saringan Talasemia Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat Di Sekolah

Pekeliling Pelaksanaan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 2545
Faks : 03-8889 5542
Web : anhisham@moh.gov.my

Rujukan kami: KKM.600-1/2/3 (12)
Tarikh: 14 Januari 2016

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/To' Puan/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 4 /2016

PELAKSANAAN SARINGAN THALASSAEMIA MURID TINGKATAN 4

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai pelaksanaan Saringan Pembawa Thalassaemia murid tingkatan 4 melalui Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Penyakit Thalassaemia merupakan penyakit genetik autosomal resesif '*Single Gene Disorder*' yang paling kerap berlaku di Malaysia di mana, dianggarkan 1 dalam setiap 20 orang penduduk Malaysia merupakan pembawa Thalassaemia. Perkahwinan antara dua orang pembawa gen Thalassaemia meningkatkan 25% risiko kelahiran bayi dengan penyakit Thalassaemia Major dan 50% risiko pembawa gen bagi setiap kehamilan. Setiap tahun, dijangkakan 200 kes Pesakit Thalassaemia Major baharu dilahirkan di mana mereka mula didiagnosa pada usia antara 6 bulan hingga 1 tahun. Setiap pesakit Thalassaemia Major memerlukan pemindahan darah dan ubat pengkelat zat besi seumur hidup dan KKM perlu menampung kos rawatan yang tinggi bagi setiap pesakit.

2.2 Sebelum 2004, Pesakit Thalassaemia major mampu hidup hingga usia awal remaja. Selepas program rawatan pesakit dimulakan pada tahun 2004, pesakit Thalassaemia boleh hidup menjangkau usia 40 tahun. Peningkatan jangkahayat pesakit Thalassaemia Major dan kelahiran kes yang meningkat akan meningkatkan kos bagi merawat pesakit-pesakit pada masa akan datang. Oleh itu KKM perlu menjalankan usaha untuk mengurangkan kes baharu Thalassaemia melalui program saringan pembawa Thalassaemia dalam populasi.

Bagi mengurangkan kelahiran bayi baharu dengan Penyakit Thalassaemia, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan saringan Pembawa Thalassaemia dalam kalangan ibu hamil. Apabila seorang ibu disyaki atau disahkan sebagai pembawa Thalassaemia, status pembawa suami turut dikenalpasti. Pasangan yang disahkan sebagai pasangan pembawa seterusnya akan menjalani kaunseling bagi menyediakan mereka terhadap kebarangkalian melahirkan anak dengan penyakit Thalassaemia Major pada kelahiran pertama dan kelahiran akan datang.

2.3 Semenjak Januari 2008 sehingga Jun 2015, seramai 3,550,442 orang ibu hamil, remaja dan warga dewasa telah menjalani saringan Thalassaemia di klinik-klinik kesihatan seluruh negara. Daripada jumlah tersebut hanya 39,647 orang telah disahkan sebagai pembawa Thalassaemia. Saringan yang tidak bersistematik, kelewatan menerima keputusan ujian dan kegagalan mengesan pelanggan untuk ujian pengesahan menyebabkan bilangan kes yang disahkan rendah. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah diatas, KKM akan mula melaksanakan saringan secara bersistematik merangkumi kohort murid Tingkatan 4 setiap tahun. Pemilihan kumpulan sasar ini membolehkan anggota kesihatan di lapangan memantau proses ujian pengesahan status pembawa Thalassaemia melalui Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.

2.4 Pada 22 Mei 2015, kertas kerja saringan Thalassaemia murid Tingkatan 4 telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Program 3K, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengerusi mesyuarat Y.B. Timbalan Menteri

Pelajaran 1 telah bersetuju untuk membenarkan KKM melaksanakan saringan ini di sekolah sebagai usaha pencegahan awal dalam kalangan remaja.

2.5 Adalah dijangkakan akan berlaku penurunan sebanyak 95% kes kelahiran bayi dengan Penyakit Thalassaemia menjelang 2038 sekiranya andaian berikut tidak berubah dalam populasi murid Tingkatan 4 yang disaring mulai 2016.

i. Kohort pertama yang disaring pada tahun 2016 mula berkahwin pada usia 18, tahun (2018).
ii. Kohort pertama secara hipotesisnya mula melahirkan anak pertama pada usia 19 tahun, iaitu pada tahun 2019.
iii. Diagnosa kes baru Thalassaemia dalam kalangan anak kepada kohort pertama pada usia satu tahun iaitu pada tahun 2020.
iv. Tempoh kesuburan wanita bagi setiap kohort tidak berubah iaitu dalam julat usia 20 hingga 38 tahun dan
v. Liputan saringan murid tingkatan 4 mencapai sasaran 100 peratus setiap tahun.

3. PROGRAM SARINGAN PEMBAWA THALASSAEMIA MURID TINGKATAN 4

Saringan Thalassaemia murid Tingkatan 4 akan menggantikan saringan ibu hamil di klinik kesihatan mulai 2016. Saringan Pembawa Thalassaemia Murid Tingkatan 4 akan dijalankan secara sukarela. Iaitu:

3.1 Ibu Bapa/ penjaga memberikan kebenaran secara bertulis untuk anak/ anak jagaan untuk menjalani ujian saringan.

3.1.1 Pasukan Kesihatan Sekolah atau pasukan yang dikenalpasti di daerah di kehendaki menyerahkan **Borang Kebenaran Untuk Saringan Thalassaemia** beserta **maklumat mengenai Ujian Saringan Thalassaemia** kepada Ibu bapa/ penjaga melalui anak/ anak jagaan mereka yang sedang belajar di Tingkatan 4 pada tahun semasa. Kebenaran bertulis yang ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga akan

meliputi kedua-dua ujian saringan dan ujian pengesahan.

3.1.2 Bagi murid tingkatan 4 yang tinggal di asrama, **Borang Kebenaran Ujian Saringan Thalassaemia** hendaklah diedarkan **sebelum cuti sekolah penggal pertama** dan dikembalikan kepada Pasukan Kesihatan Sekolah atau pasukan yang dikenalpasti apabila penggal kedua persekolahan bermula.

3.1.3 Contoh **Borang Kebenaran Ujian Saringan Thalassaemia** dan Maklumat mengenai Ujian Saringan Thalassaemia disertakan di lampiran 1 dan lampiran 2.

3.2 Pelaksanaan Ujian saringan di sekolah

3.2.1 Semua murid Tingkatan 4 mesti diberi **taklimat berkelompok** mengenai **penyakit Thalassaemia** dan **kepentingan** menjalani ujian Saringan Thalassaemia sebagai keperluan **proses kaunseling sebelum** ujian saringan.

3.2.2 Pelaksanaan mestilah mengikut tatacara seperti yang digariskan dalam **Garispanduan Pelaksanaan Saringan Thalassaemia murid Tingkatan 4** seperti di lampiran 3.

3.2.2 Semua murid perlu **dimaklumkan keputusan ujian** melalui kaunseling berkelompok di sekolah. **Kaunseling berkelompok ini dilaksanakan di sekolah selepas mendapat keputusan ujian FBC.**

3.2.3 Ibu bapa perlu dimaklumkan mengenai ujian saringan yang telah dijalankan ke atas anak mereka melalui :

i. **Borang Maklumbalas Ujian Saringan Thalassaemia** beserta **Kad Saringan Thalassaemia** bagi murid dengan keputusan ujian **FBC normal**.

ii. **Borang Maklumbalas Ujian Saringan Thalassaemia** berserta **surat rujukan** untuk **pengesahan lanjutan** atau **rawatan anemia** bagi murid dengan bacaan **FBC tidak normal**.

3.2.3 Contoh **Borang Maklumbalas Ujian Saringan Thalassaemia** beserta **Kad Saringan Thalassaemia** disertakan dilampiran 4 dan lampiran 5.

3.3 Ujian Pengesahan Status Pembawa Thalassaemia perlu dilakukan bagi murid yang disyaki sebagai pembawa Thalassaemia, di mana paras Hb adalah normal (**Lelaki Hb ≥ 13 mg/L , perempuan Hb ≥ 12mg/L**) dan nilai **MCH ≤ 27 pg**

3.4 Murid dengan bacaan FBC disyaki mengalami "Iron Deficiency Anemia" mestilah diberi rawatan selama 3 bulan. Sekiranya paras hemoglobin dan nilai MCH tidak meningkat, ujian pengesahan status Thalassaemia perlu dilakukan bagi murid dalam kategori ini.

3.5 **Saringan ahli keluarga terdekat** bagi murid yang disahkan sebagai Pesakit dan Pembawa Thalassaemia adalah **digalakkan**.

4. STATUS PELAKSANAAN SARINGAN THALASSAEMIA BAGI KUMPULAN SASARAN LAIN

Berikutan dengan pelaksanaan Saringan Thalassaemia Murid Tingkatan 4, status saringan dalam kumpulan sasar lain adalah seperti berikut:

4.1 Saringan Thalassaemia dalam kalangan ibu hamil mestilah di berhentikan mulai 2016. Walaubagaimana pun,

4.1.1 Ujian FBC pada lawatan pertama antenatal masih diteruskan tetapi keputusan ujian tersebut **tidak digunakan** sebagai Saringan Thalassaemia.

4.1.2 Ibu hamil yang mempunyai ujian FBC yang tidak normal mestilah dikendalikan mengikut ***Perinatal Care Manual*** yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga pada tahun 2013.

4.2 Saringan pra-perkahwinan dan golongan muda

4.2.1 Saringan pra-perkahwinan dan golongan muda yang dilaksanakan secaran berkelompok dalam institusi perlu di berhentikan sepenuhnya pada tahun 2016. Permohonan secara individu bagi kes *walk in* yang memohon untuk menjalankan saringan perlulah dijalankan.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan di dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8883 4011/ 4002
No. Faksimili : 03 – 8888 6150

7. PENUTUP

YBhg. Datuk / Dato' / Datu / To' Puan / Datin / Tuan / Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua anggota kesihatan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Yang Ikhlas,

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Lampiran 2

Surat Rasmi Kebenaran Melaksanakan Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88849315
Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Kami : KPMSP.600-14/1/56(3)
Tarikh : 10 September 2015

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7&8 Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

PELAKSANAAN SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4 MULAI TAHUN 2016

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk 3K Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Pendidikan II pada 22 Mei 2015.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia sangat mengambil berat tentang kesihatan dan kebersihan murid-murid sekolah. Selaras dengan ini, pihak kami akan berkerjasama dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan segala dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cekap.

3. Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberi kerjasama kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menjayakan saringan talasemia diatas. Mohon pastikan segala *SOP* seperti memohon kebenaran ibubapa dan penjaga murid-murid sebelum saringan ini dilaksanakan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

ABDULLAH BIN MAD YUNUS
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Lampiran 3

Maklumat Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 Kepada Ibu Bapa / Penjaga

MAKLUMAT UNTUK IBU BAPA / PENJAGA

APAKAH TALASEMIA ?

talasemia adalah satu pembentukan sel darah merah yang tidak normal diwarisi daripada ibu bapa kepada anak-anak mereka samada lelaki atau perempuan.

Terdapat dua jenis TALASEMIA :

1. ***PEMBAWA*** *TALASEMIA (****TALASEMIA MINOR****)*

Didapati bahawa dalam setiap 20 orang rakyat Malaysia, seorang adalah *pembawa Talasemia*. *Pembawa Talasemia* tidak menunjukkan sebarang tanda atau masalah kesihatan dan membesar seperti orang normal. Walau bagaimanapun, status *pembawa Talasemia* boleh dikesan melalui ujian darah.

Seorang *pembawa Talasemia* boleh mewariskan baka (gen) Talasemia kepada anak-anaknya. Sekiranya ***ibu dan bapa (kedua-duanya)*** adalah *pembawa Talasemia*, risiko mendapat anak yang mengidap *penyakit Talasemia Major* adalah (25%) pada setiap kehamilan. Manakala, ***jika hanya (salah seorang) ibu atau bapa*** adalah *pembawa Talasemia*, semua anak adalah selamat dari mengidap *penyakit Talasemia*.

2. ***PESAKIT*** *TALASEMIA (****TALASEMIA MAJOR****)*

Talasemia major terjadi apabila ***kedua ibu bapa adalah pembawa Talasemia.*** Anak yang mengidap Talasemia Major akan mula menunjukkan gejala dan tanda penyakit Talasemia seperti kekurangan sel darah merah (anaemia) seawal usia tiga hingga enam bulan. Gen pesakit Talasemia akan menyebabkan gangguan dalam pembentukan sel darah merah. Ini mengakibatkan pesakit akan mengalami kekurangan sel darah merah (anaemia) untuk seumur hidupnya.

Keperluan sel darah merah akan meningkat mengikut umur pesakit. Jika anaemia menjadi lebih serius, sistem lain dalam badan pesakit akan turut terjejas, contohnya kegagalan jantung, kesukaran bernafas, pembesaran terbantut, pembengkakan hati dan limpa, jaundis dan pembentukan tulang muka, pipi dan rahang yang tidak normal. Pesakit Talasemia akan menjadi lemah dan tidak bermaya. Jangka hayat pesakit Talasemia Adalah pendek jika tidak dikesan pada peringkat awal serta tidak mendapat rawatan yang sempurna.

Pemindahan darah ***sepanjang hayat*** adalah rawatan utama pesakit Talasemia untuk mengekalkan kandungan darah dalam badan. Pemindahan darah yang kerap akan menyebabkan pengumpulan zat besi yang berlebihan dalam badan pesakit Talasemia. Lebihan zat besi boleh menyebabkan kerosakan organ dalaman pesakit Talasemia seperti kegagalan jantung, kerosakan hati dan kencing manis. Oleh itu, ubat penyingkir zat besi juga perlu diambil sepanjang hayat.

SIAPAKAH YANG HARUS MENJALANI UJIAN TALASEMIA?

1. Murid sekolah Tingkatan 4
2. Ahli keluarga pembawa Talasemia

PROSEDUR DAN TUJUAN MEMBUAT UJIAN SARINGAN TALASEMIA

1. Sebelum ujian dijalankan anggota kesihatan akan memberi penerangan berkaitan Talasemia kepada murid Tingkatan 4 di sekolah
2. Semua murid **WAJIB** mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa atau penjaga sebelum ujian dilakukan. KKM tidak akan menjalankan ujian, sekiranya ibubapa tidak memberikan kebenaran.
3. Sebanyak 3 ml sampel darah (1 sudu kecil) akan diambil untuk tujuan ujian.
4. Ujian lanjutan akan dijalankan ke atas sampel darah yang disyaki Talasemia untuk tujuan pengesahan.
5. Kad saringan Talasemia akan diberikan kepada murid selepas keputusan ujian di perolehi
6. Anggota kesihatan akan menyerahkan surat rujukan kepada murid yang dikenal pasti bagi menjalani kaunseling dan rawatan lanjutan di klinik kesihatan bersama ibu bapa/penjaga.

KEBAIKAN MEMBUAT UJIAN SARINGAN TALASEMIA

1. Ujian talasemia hanya perlu dilakukan sekali seumur hidup
2. Seorang pembawa Talasemia boleh memilih pasangan hidup bagi menjaga keturunannya.
3. Risiko mendapat anak-anak yang mengidap penyakit Talasemia dapat dielakkan.

RISIKO

Tidak ada risiko yang membahayakan semasa membuat ujian saringan Talasemia.

KERAHSIAN

Keputusan ujian saringan hanya akan diserahkan kepada murid dan ibubapa.

Lampiran 4

Borang Kebenaran Untuk Ujian Saringan Talasemia

Saya telah membaca dan memahami maklumat tentang Talasemia, tujuan dan prosedur untuk menjalani ujian saringan Talasemia seperti dalam lampiran yang disertakan.

Saya, ……No. Kad Pengenalan …… ***ibu/bapa/penjaga kepada:**

Nama : ……

No. Kad Pengenalan : ……

Alamat Rumah : ……

No. Telefon Ibubapa/penjaga : ……

Kelas : ……

Sekolah : ……

Tandakan (√) pada yang berkenaan:

☐ **Membenarkan**

☐ **Tidak membenarkan**

***anak / jagaan** saya untuk pengambilan sampel darah ***anak / jagaan** saya bagi tujuan ujian saringan dan pengesahan Talasemia.

(*potong mana yang perlu)

Tandatangan:…… Tarikh : ……

Terima Kasih Atas Kerjasama Tuan/Puan Melengkapkan Borang Ini.

Surat Rujukan

TARIKH RUJUKAN				RUJUKAN KEPADA (√) YANG BERKENAAN: ☐ PASUKAN KESIHATAN SEKOLAH ☐ KLINIK KESIHATAN
NAMA				
NO KAD PENGENALAN				**TARIKH TEMUJANJI :** **MASA :** **KLINIK KESIHATAN :** **NOMBOR TELEFON :**
JANTINA		**BANGSA**		
SEKOLAH				**TUJUAN** : ☐ Kaunseling saringan TALASEMIA ☐ Rawatan susulan
KELAS **ALAMAT RUMAH & NO. TELEFON**				**NAMA & TANDATANGAN :**

Mohon ibubapa / penjaga hadir bersama-sama anak / jagaan tuan puan ke klinik kesihatan seperti tertera di atas untuk mengetahui keputusan ujian saringan. Sila hubungi klinik kesihatan berkenaan jika tuan puan ingin mengatur semula tarikh dan masa temujanji.

KAD SARINGAN TALASEMIA PERLU DI SIMPAN BAGI PENGESAHAN STATUS TALASEMIA ANDA

Algorithm Kaunseling Berdasarkan Kepada Keputusan Ujian Pengesahan

Pasangan	α^0 trait	α^+ trait	α^T trait	Bukan pembawa α	Hb E trait	β trait
α^0 trait	50% α^0 trait 25% hydrop fetalis 25% bukan pembawa α	25% bukan pembawa α 25% Hb H disease 25% α^0 trait 25% α^+ trait	25% bukan pembawa α 25% Hb H disease 25% α^0 trait 25% α^t trait	50% α^0 trait 50% bukan pembawa α	25% Hb E trait/ α^0 trait 25% α^0 trait 25% Hb E trait 25% normal	25% α^0trait/β trait 25% α^0 trait 25% β trait 25% normal
α^+ trait		50%α+ trait 25%α+ homozygous 25% bukan pembawa α	25 % α^T trait 25%α^+ trait 25%α^+/ α^T compound heterogygous 25% bukan pembawa α	50% α^+ trait 50% bukan pembawa α	25% Hb E trait/α+ trait 25% α+ trait 25% Hb E trait 25% normal	25% α+ trait/β trait 25% α+ trait 25% β trait 25% normal
α^T trait			50%α^T trait 25%α^T homozygous 25% bukan pembawa α	50% α+ trait 50% bukan pembawa α	25% Hb E trait/α^T trait 25% α^T trait 25% Hb E trait 25% bukan pembawa	25% α^T trait/β trait 25% α^T trait 25% β trait 25% bukan pembawa
Bukan pembawa α				100% bukan pembawa α	50% Hb E trait 50% bukan pembawa α	50% β trait 50% bukan pembawa α
Hb E trait					50% Hb E trait 25% Hb E homozygote 25% bukan pembawa	25% Hb E β thal. 25% Hb E trait 25% β trait 25% bukan pembawa
β trait						50% β trait 25% β thal. major 25% normal



Risiko mendapat anak Talasemia
Status Saringan Talasemia Bapa
